

# *Patriot*

*Majalah Kementerian Pertahanan*



## LIMA '15

L A N G K A W I

**Ops Murni  
Banjir**

**Hari Keluarga  
Kementerian  
Pertahanan**

# Isi Kandungan



4 Ops Murni Banjir  
23 Disember 2014



21 Karnival Sukan  
KAKEP 2015



9 LIMA 2015



28 Majlis Sambutan  
Hari Inovasi  
MINDEF



38 Hari Keluarga  
MINDEF

- 2 Isi Kandungan
- 3 Sidang Redaksi / Kata Aluan Editor
- 4 Ops Murni Banjir 23 Disember 2014
- 9 LIMA 2015
- 14 Kegelinciran Cakera @Slipped Discs
- 16 Program Kenang Budi, Curahan Bakti
- 18 Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS)
- 20 HAT Tuanku Mizan Kebanggaan Perubatan Ketenteraan
- 21 Karnival Sukan KAKEP 2015
- 24 Majlis Korban & Aqiqah PUSPANITA
- 25 Majlis PJM Dan Penyerahan Kunci Rumah Di Kota Marudu, Sabah
- 26 Muka Tengah LIMA 2015
- 28 Majlis Sambutan Hari Inovasi MINDEF
- 30 Majlis Pemakaian Pangkat Dan Serah Terima Tugas  
Timbalan Dan Panglima Tentera Laut
- 32 Program Jiwa Murni
- 33 Majlis Penghargaan & Mengenang Jasa Wira-Wira Pertempuran  
Bakara Market Somalia
- 34 Ops Gangga di Gunung Bubu, Perak
- 36 Jom Masuk Askar Wataniah
- 38 Hari Keluarga MINDEF 2015
- 42 Santapan Rohani - Walimah Yang Berkat Permulaan  
Keluarga Bahagia
- 45 Motivasi - 7 Ciri Cemerlang Orang Positif
- 48 Bahaya Kanta Lepak
- 50 Sukarelawan Ops Banjir



## Sidang Redaksi Patriot

Penaung

Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

Penasihat

Haji Johari bin Mohd  
Ketua Komunikasi Korporat

Ketua Editor

Pn. Dalila binti Abdul Majid

Editor

En. Amir Rithauddin bin Roslan

Tim Redaksi

Nor Saiela bt Mohd Zain  
Nurkhaliza bt Mohd Khalid  
Nur Syuhada bt Mat Junoh  
Sjn (U) Azlan bin Arshad  
Kpl Nur Haslinda bt Zakaria  
Mohd Tahiruddin Bin Hamzani

Penulis Tamu

Mej. Mohd Ramizi bin Ramli (KAGAT)  
Sel Perhubungan Awam Markas Tentera Laut

## Dari Meja Editor

## Kerjasama 'Terbaik!' - Kunci Kejayaan Kita

MINDEF - Sebuah Kementerian yang unik bilamana ia terdiri daripada Tentera Darat, Tentera Udara, Tentera Laut dan kakitangan awam daripada pelbagai skim perkhidmatan. Bekerja di dalam satu situasi yang serba mencabar dan sibuk - memerlukan kefahaman dan toleransi yang baik di antara satu sama lain. Ia juga bagi memastikan kedaulatan negara Malaysia sentiasa dipelihara.

'Kerjasama' ini juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan Dasar Pertahanan Negara dan segala pengurusan hal ehwal pertahanan, serta sumber-sumber yang diperuntukkan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mempertahankan negara.

Begitu juga di agensi-agensinya di bawah Kementerian Pertahanan seperti Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), PERHEBAT, STRIDE, MIDAS dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Kerjasama baik di antara kakitangan awam dan anggota tentera sangat utuh dan saling melengkapi di agensi masing-masing.

Ironinya, konsep saling hormat-menghormati dan saling memahami di antara satu sama lain merupakan kunci utama kepada kekuatan 'Kerjasama' ini. Perbezaan ketara dari pelbagai aspek tugas tidak menghalang untuk setiap kakitangan awam dan anggota tentera bekerja dalam satu pasukan. Ini telah dibuktikan dalam pelbagai aktiviti dan gerak kerja Kementerian Pertahanan contohnya seperti penganjuran LIMA di Langkawi, pameran Defence Service Asia (DSA), Karnival 1Mindef, Ops Banjir, dan banyak lagi.

Akhir kata, kerjasama ini harus dimurnikan bagi menjamin kualiti pencapaian Kementerian Pertahanan untuk tahun-tahun yang akan datang sentiasa di tahap yang terbaik seterusnya mendokong hasrat pucuk pimpinan tertinggi Kementerian untuk mengekalkan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah organisasi berstatus lima bintang. **1MinDef, Yakin boleh!**



# OPS MURNI BANJIR

23 DISEMBER 2014

Oleh: Saiela Mohd Zin

## BANTUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Angkatan Tentera Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan OP Murni di daerah-daerah yang terlibat dengan banjir besar yang melanda negara pada Disember 2014. Antara negeri yang teruk terjejas banjir adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Johor.

Operasi menerusi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melibatkan beberapa trup dan aset di bawah kawasan tanggungjawab tiga divisyen. Di Kuantan, Maran, Pekan, Rompin dan Jerantut di Pahang, trup yang terlibat ialah 12 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Mekanise, satu Kor Armor Diraja (KAD) dengan

kekuatan 12 pegawai dan 178 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) serta dua pegawai dan 33 LLP dari trup Gerup Gerak Khas (GGK). Aset yang terlibat ialah 16 bot, 16 kenderaan 3 tan, empat Land Rover serta enam buah kenderaan TATRA 7 tan.

Pemasangan titi terapung dan jambatan pasang siap secara sementara telah dibina sebagai laluan alternatif bagi menggantikan Jambatan Sungai Tanum di Kampung Aur Gading yang runtuh akibat banjir. Pembinaan titi terapung dilaksanakan serta merta manakala jambatan pasang siap mengambil masa selama 24 jam dan ia dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Kerja Raya.

Di Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Kluang, Segamat dan Mersing di Johor, satu trup Rejimen Renjer Diraja (RRD) dengan kekuatan seorang pegawai dan 31 LLP manakala aset terlibat ialah dua bot, dua kenderaan 3 tan serta dua buah kenderaan TATRA 7 tan turut ditempatkan di Terengganu.

Sejumlah 3,588.4 tan bantuan yang berjaya diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di kebanyakan daerah di Kelantan melalui sortie yang dilakukan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia menggunakan pesawat C130 berikutan penutupan jalan-jalan darat untuk memasuki Kelantan.

*\*Tahap 1 – Keadaan Terkawal (Bilik Gerakan beroperasi pada waktu pejabat)*

*Tahap 2 – Kejadian bencana yang lebih serius (Bilik Gerakan beroperasi dari jam ( 8.10 pg hingga 12.00 tengah malam) dan cuti staf boleh dibekukan.*

*\*\*Sortie – Status bilangan penerbangan yang dilakukan oleh tentera dalam sesuatu misi*



## PENGLIBATAN VIP

Banjir besar di negeri Pantai Timur terutama di Kelantan pada penghujung tahun 2014 yang lepas, telah menyebabkan kemusnahan yang besar terutama dari aspek geografi dan penempatan penduduk Kampung Manek Urai Lama dan Manek Urai Baru. Sehubungan dengan itu, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah melakukan lawatan dalam misi bantuan banjir di Kelantan.

Kehadiran Hishammuddin bagi meninjau sendiri kesan kemusnahan banjir di Manek Urai Lama dan Manek Urai Baru. Beliau yang tiba di Sekolah Kebangsaan (SK) Manek Urai Baru sebelum memulakan tinjauan ke kawasan ditemani Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli Mohd. Zin; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Nor; Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub serta pemimpin setempat.

Timbalan Menteri Pertahanan turut turun padang untuk melawat mangsa banjir di Manek Urai, Kelantan beberapa hari kemudian. Turut bersama beliau, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli Mohd. Zin. Dalam lawatan tersebut, beliau telah meninjau Hospital Hadapan Pasukan Perubatan ATM, sekolah dan kampung-kampung yang terjejas akibat banjir.

Turut tidak ketinggalan, Badan Kebajikan Angkatan Tentera (Bakat ATM) turut menghulur bantuan kepada mangsa banjir melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Bantuan tersebut telah disampaikan oleh isteri Menteri Pertahanan, Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah di Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir, Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia. Turut hadir pada majlis itu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.





## WAR ROOM MINDEF

War room MinDef adalah salah satu inisiatif yang dilakukan oleh Bhg Dasar dan Perancangan Strategik bersama Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan dan lain-lain bahagian dalam menyelaras, menerima dan menyalurkan informasi terkini berkenaan bencana banjir yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Beroperasi di tingkat 5, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Petugas Warroom terdiri daripada pekerja dari semua bahagian di MinDef mengikut senarai jadual bertugas yang telah disediakan dan waktu bertugas adalah mengikut tahap bencana semasa (Tahap 1 / Tahap 2)\*.

Fungsi utama warroom adalah untuk menyalurkan informasi-informasi semasa berkenaan banjir yang diperoleh dari beberapa agensi luar seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selain itu, menentu dan menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan logistik yang diperlukan oleh mangsa bencana banjir dan yang paling utama adalah merancang kemudahan dan keperluan kepada mangsa dan petugas-petugas dalam aspek

makanan, perubatan, rawatan, pemindahan dan lain-lain bantuan segera.

Pemantauan perkembangan bantuan dilakukan dengan mengenalpasti jumlah mangsa banjir semasa (POP), status 'sortie'\*\*\* semasa, status penerimaan bantuan, status pengagihan bantuan di Pusat Kecil Pengumpulan Bekalan Mangsa Banjir (Sub Center), bilangan sukarelawan dibawah MinDef yang terlibat serta mengenalpasti jumlah warga MinDef yang menjadi mangsa banjir.

## FAKTA NOMBOR DARI WAR ROOM

**3,588.4** Tan jumlah bantuan yang berjaya diagihkan

**325** Jumlah bilangan sortie

**13,789** Jumlah sukarelawan MinDef

**1,289** Jumlah warga MinDef yang terjejas banjir



Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) kali ini membawa banyak pembaharuan yang signifikan. Selain memainkan peranan hakikinya dalam meningkatkan lagi kedudukan industri pertahanan sebagai aspek penting ekonomi negara, LIMA 2015 akan melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Pengangkutan buat pertama kalinya. Pendekatan baharu itu semestinya mempertingkatkan penyertaan pemain-pemain industri pertahanan dunia termasuk sektor komersial. Sebanyak 512 syarikat aeroangkasa dan maritim daripada 36 negara telah mengesahkan penyertaan mereka. Angka itu telah melangkaui sasaran LIMA 2015 sebelum ini iaitu 476 syarikat pempamer, malah jika dibandingkan dengan penyertaan pada penganjuran terdahulu, iaitu 433 syarikat pempamer. Kali ini, terdapat penambahan 79 buah syarikat pempamer atau peningkatan lebih 18 peratus.


Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengatakan perkembangan tersebut menjadikan LIMA kali ini merupakan yang terbaik apabila menerima penyertaan terbesar






dalam sejarah penganjuran LIMA. LIMA 2015 turut mencatat rekod dalam siri penganjurannya dengan penyertaan terbesar 113 pesawat berbanding 78 pesawat pada LIMA 2013. Angka tersebut termasuk penyertaan kelompok lima syarikat pengeluar utama helikopter dunia iaitu Airbus Helicopters, Boeing, Sikorsky, Agusta Westland, Bell Helicopters serta penyertaan syarikat lain seperti MD Helicopters dan Russian Helicopters. Selain pesawat, penyertaan kapal pada LIMA kali ini juga mencatatkan angka terbesar iaitu 65 buah kapal setakat ini berbanding 63 buah pada LIMA 2013. “70 peratus daripada syarikat-syarikat industri aeroangkasa dan maritim terbesar di dunia dengan pasaran modal melebihi AS\$500bilion (RMI,827 bilion) turut menyertai LIMA 2015.

LIMA 2015 turut menampilkan penyertaan pavilion 17 negara termasuk pemain-pemain utama di peringkat antarabangsa dan serantau seperti Amerika

Syarikat (AS), United Kingdom, Korea Selatan, Australia, China dan Jepun. Malah LIMA 2015 merupakan antara pameran pertama di dunia menerima pempamer dari Jepun berikutan kelonggaran sekatan eksport pertahanan Jepun pada April tahun lalu. Penganjuran LIMA 2015 mencipta sejarahnya tersendiri dengan kehadiran Menteri Pertahanan ASEAN yang paling ramai melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang julung kalinya diadakan semasa LIMA.





# Kegelinciran Cakera @ Slipped Discs

Tulang belakang manusia terdiri daripada 26 tulang (vertebra) yang diimbangi sejenis tulang yang disebut sebagai cakera. Cakera berfungsi untuk melindungi tulang dengan menyerap kejutan daripada aktiviti harian seperti berjalan, mengangkat, dan berpusing.

Setiap cakera mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian dalaman yang seakan agar-agar lembut dan licin diikuti lapisan gegelung luar yang keras. Kecederaan dan kelemahan cakera boleh menyebabkan bahagian dalaman cakera terkeluar menembusi atau melalui lapisan gegelung luar. Keadaan inilah yang disebut sebagai gejala cakera tergelincir (herniated disk). Kecederaan cakera boleh menyebabkan kesakitan dan ketidakselesaan. Sekiranya cakera tergelincir dan mengenai salah satu saraf tulang belakang, pesakit mungkin mengalami kebas dan sakit belakang di sepanjang saraf yang terjejas. Dalam keadaan yang kritikal, pesakit mungkin memerlukan pembedahan untuk membuang atau memperbaiki cakera tergelincir.

Seseorang boleh mengalami masalah cakera tergelincir di mana-mana bahagian tulang belakang, dari bahagian leher hingga bahagian bawah tulang belakang. Menurut American Academy & Family Physician, bahagian bawah tulang belakang merupakan kawasan yang paling terdedah dan mudah mengalami masalah cakera tergelincir. Masalah cakera tergelincir boleh menyebabkan tekanan tambahan terhadap saraf dan otot di sekitarnya.

Masalah cakera tergelincir berlaku apabila gegelung cakera luar (outer ring) menjadi lemah atau koyak dan membenarkan bahagian dalaman (inner portion) untuk menyelip keluar. Masalah ini mengambil masa untuk terjadi. Pergerakan tertentu juga boleh menyebabkan cakera tergelincir. Cakera boleh terkeluar ketika seseorang berpusing atau beralih termasuklah ketika melakukan aktiviti mengangkat objek atau barang. Mengangkat objek berat boleh meletakkan bebanan di bahagian bawah tulang belakang (lower back) yang boleh menyebabkan cakera tergelincir. Jika seseorang mempunyai pekerjaan yang banyak menggunakan tenaga fizikal, seperti mengangkat beban, mereka mungkin berisiko.

Individu yang berlebihan berat badan juga berisiko untuk menderita masalah cakera tergelincir kerana cakera mereka terpaksa menyokong berat badan tambahan. Otot-otot yang lemah dan gaya hidup yang tidak aktif juga menyumbang kepada berlakunya masalah ini. Menurut statistik, mereka yang berusia 35 hingga 45 tahun lebih cenderung untuk mempunyai cakera tergelincir. Hal ini dikatakan demikian kerana cakera mereka mula kehilangan beberapa kandungan

## Gejala Cakera Tergelincir

1. Sakit dan kebas, biasanya berlaku di salah satu bahagian badan.
2. Sakit yang meliputi kaki dan badan.
3. Kesakitan yang serius pada waktu malam.
4. Sakit yang bertambah teruk selepas berdiri atau duduk.
5. Sakit apabila berjalan pada jarak dekat.
6. Kelemahan otot yang tidak dapat dijelaskan.
7. Kesemutan, sakit, atau sensasi terbakar di kawasan yang terjejas simptom adalah berbeza bagi setiap pesakit.


cecair yang berfungsi sebagai pelindung, semakin mereka berusia. Masalah ini lebih kerap berlaku kepada lelaki berbanding dengan wanita.

Dalam kes tertentu, cakera tergelincir boleh menyebabkan impuls saraf ke saraf kauda equine di bahagian bawah belakang dan kaki terpotong. Jika hal ini berlaku, seseorang mungkin kehilangan fungsi kawalan pundi kencing. Satu lagi komplikasi jangka panjang yang boleh berlaku dikenali sebagai saddle anesthesia. Dalam kes ini, cakera tergelincir memampatkan saraf yang menyebabkan seseorang kehilangan sensasi atau rasa di bahagian paha, belakang kaki dan sekitar rektum.

Sungguhpun gejala cakera tergelincir boleh dipulihkan, dalam masa yang sama, penyakit ini juga boleh menjadi lebih

teruk. Jika seseorang tidak berupaya mengendalikan aktiviti yang biasanya dapat dilakukan, itu merupakan petunjuk bahawa mereka perlu berjumpa dengan doktor.

Ujian pengimejan boleh membantu doktor melihat tulang dan juga otot-otot tulang belakang pesakit bagi mengenal pasti mana-mana bahagian yang terjejas. Contoh imbasan pengimejan termasuklah sinar-x, imbasan tomografi berkomputer (CT), dan imbasan magnetic resonan (MRI). Dalam hal ini, doktor boleh menggunakan semua kaedah imbasan tersebut untuk mendapatkan maklumat bagi menentukan faktor yang menyebabkan kesakitan, kelemahan, dan ketidakselesaan pesakit.



Ihsan (Dewan Masyarakat, Bil 5/2014)

## Bagaimana Cakera Tergelincir Dirawat?

Terdapat pelbagai kaedah rawatan masalah cakera tergelincir, iaitu rawatan konservatif sehinggalah rawatan pembedahan. Rawatan biasanya bergantung pada tahap ketidakselesaan yang dialami dan tahap keseriusan cakera yang tergelincir.

Sebahagian pakar menyatakan bahawa kesakitan pesakit boleh dikurangkan melalui program senaman yang tertentu bagi menguatkan belakang dan otot sekitarnya. Pengambilan ubat penahan sakit, elakkan aktiviti mengangkat berat, dan penjagaan kedudukan postur badan juga boleh membantu.

Mengelak untuk tidak melakukan segala aktiviti fizikal semasa pesakit mengalami kesakitan atau ketidakselesaan boleh membawa kekakuan otot dan sendi. Oleh itu, pesakit digalakkan untuk kekal aktif dengan melakukan regangan atau aktiviti berimpak rendah, seperti

berjalan kaki. Sekiranya sakit cakera tergelincir yang dialami tidak bertindak balas terhadap rawatan, maka doktor boleh menetapkan preskripsi ubat-ubatan yang lebih kuat, termasuklah pengendur, untuk melegakan kekejangan otot, narkotik untuk melegakan kesakitan, dan ubat sakit saraf seperti gabapentin atau duloxetine. Dalam hal ini, doktor mungkin mengesyorkan pembedahan jika simptom pesakit tidak reda dalam enam minggu atau jika cakera tergelincir mempengaruhi fungsi otot. Pakar bedah boleh mengeluarkan bahagian yang rosak atau tersasar tanpa mengeluarkan keseluruhan cakera yang terlibat. Prosedur ini dikenali sebagai microdiscectomy.

Sementara itu, dalam kes kritikal doktor mungkin menggantikan cakera yang terjejas dengan cakera tiruan atau mengeluarkan cakera dan fuis vertebra bersama-sama. Prosedur ini dikenali

sebagai laminectomy, iaitu prosedur yang dilakukan untuk menambah kesatbilan kepada tulang belakang pesakit.

## Mencegah Cakera Tergelincir

Setiap individu boleh mengambil langkah untuk mengurangkan risiko mendapat cakera tergelincir. Langkah tersebut termasuklah menggunakan teknik mengangkat yang selamat, iaitu mencangkung dan mengangkat beban dari lutut bukan dari pinggang; mengekalkan berat badan yang sihat; mengelakkan duduk terlalu lama untuk tempoh masa yang panjang; dan melakukan senaman untuk menguatkan otot di belakang, kaki dan perut.



# PROGRAM Kenang Budi, Curahan Bakti

## ISU: PENANGGUHAN PLKN

Program kenangan budi curahan bakti (KBCB)-transformasi komuniti 1Malaysia

Isu : sesetengah pihak mendakwa kakitangan PLKN (jurulatih) makan gaji buta sepanjang tempoh penangguhan PLKN (Utusan Online 23 Jan 2015)

Setiap minggu:

### 3 Hari: program luar

- A) program sekolah angkat
- B) komuniti 1 Malaysia
- C) jejak alumni PLKN

### 2 Hari: program dalam kem

- Jurulatih terlibat dalam pentadbiran kem
- A) pengurusan dokumen pejabat kem (ISO dan 5S)
- B) pengurusan logistik kem
- C) program gaya hidup sihat (PGHS)

### Program yang dilaksanakan:

Bil	Program	Tugas dan Tanggungjawab
1	Promosi PLKN (Sekolah Angkat)	berhubung dengan pihak jabatan pendidikan daerah Negeri untuk berbincang program yang akan Dilaksanakan di sekolah yang berdekatan Merancang aktiviti dan tarikh yang bersesuaian Membuat persediaan untuk melaksanakan program Yang dirancang
	Promosi PLKN (Komuniti 1Malaysia)	berhubung dengan agensi untuk berbincang program Yang akan dilaksanakan (rujuk cadangan agensi Merancang aktiviti dan tarikh yang bersesuaian dengan Agensi Membuat persediaan untuk melaksanakan program Yang dirancang

2 Jejak alumni PLKN berhubung dengan pihak Institut/Kolej/IPTA/IPTS/ kemahiran untuk berbincang Program yang akan dilaksanakan Fokus kepada promosi & pameran PLKN & BSKN Cadangan aktiviti dan tarikh yang bersesuaian Membuat persediaan untuk melaksanakan program Yang dirancang Melaksanakan program seperti yang dicadangkan

### Contoh modul yang disampaikan melalui promosi PLKN

1 TEAM BUILDING /KEPIMPINAN (INDOOR)	TEAM BUILDING KEPIMPINAN (INDOOR)
2 KENEGARAAN	SENAM SENI 1 MALAYSIA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perisai Zaman</li> <li>• Malaysiaku Berdaulat</li> <li>• Jejak Kemerdekaan</li> <li>• Semarak Semangat Patriotisma</li> <li>• DKRT - G</li> </ul>	
3 PEMBINAAN KARAKTER	AEROBIK
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul 1 (Menampilkan Yang Terbaik Dalam Diri Saya)</li> <li>• Modul 2 (Menampilkan yang Terbaik Dalam Diri Orang Lain)</li> <li>• Modul Budaya Kerja</li> <li>• Modul PEKERTI (Pendidikan Kesihatan Reproduksi &amp; Sosial)</li> </ul>	
4 MODUL INTEGRASI	PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT
5 MODUL JKJR	IKHTIAR HIDUP
6 MODUL KLIK BIJAK	PEMBINAAN PASUKAN
7 MODUL MENTOR MENTEE	TALI TINGGI & RENDAH (Dengan Kerjasama Kem Operator)

### BIL LAIN LAIN

- 8 Membuat khidmat komuniti di kawasan yang berdekatan seperti rumah orang tua, TADIKA dan lain-lain
- 9 Membantu melaksanakan ceramah kesedaran dengan agensi-agensinya yang mempunyai kolaborasi seperti ceramah JKJR, Klik Bijak, Kesedaran HIV & AIDS, AADK di sekolah, pusat pengajian, universiti dan awam
- 10 Jurulatih yang berkelayakan dan berkebolehan boleh memberi tuisyen kepada murid-murid sekolah yang terpilih seperti kelas pemulihan (I-SMART) dan kelas CBQ (Cepat Belajar Quran)



### AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG PROGRAM KBCB:

#### 1 PROMOSI PLKN (SEKOLAH ANGKAT)

- Program kawad kaki pelajar sekolah
- Motivasi kepimpinan dan kecemerlangan
- Program senamrobik dan Senam Seni Malaysia
- Program bimbingan Pra-Sekolah
- Program I-SMART (kelas pemulihan)
- Program SMART SOLAT dan CBQ
- Program Perkhemahan Badan-badan Uniform disekolah
- Program Teambuilding dengan bersama pelajar sekolah
- Mengajar modul Kenegaraan (patriotik)
- Simulasi Pilihanraya bersama SPR di Sekolah Menengah
- Program Mural dan mengecat disekolah
- Program Kepimpinan dan Jati Diri
- Program Pengurusan Jenazah (Kerjasama dengan KAGAT)
- Program pertolongan cemas bersama pelajar sekolah
- Program Mentor mentee bersama pelajar sekolah

#### MAKLUM BALAS PROGRAM KBCB:

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada responden, melalui Borang Laporan Maklum balas dari Agensi dan Borang Soalselidik Program KBCB adalah seperti berikut, iaitu:

- 1 90% menyata program yang dibuat amat berkesan dan memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang fungsi dan faedah terhadap Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)
- 2 Kerjasama yang baik antara kakitangan PLKN (Jurulatih) dengan Agensi /komuniti dalam menjayakan aktiviti Program KBCB dalam tempoh 12 bulan.



Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia

# MIDAS



Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS) merupakan sebuah institusi profesional yang bertanggungjawab untuk menerajui isu-isu berkaitan pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian ilmu yang dilakukan. Perkongsian ilmu ini dilakukan menerusi empat medium iaitu bidang akademik, menjalinkan kerjasama dengan institusi-institusi kajian antarabangsa, menganjurkan persidangan dan menerbitkan 'The Journal of Defence and Security'.

MiDAS berperanan sebagai institusi profesional yang bertanggungjawab kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan (Mindef) untuk menerajui isu-isu pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian ilmu. Hal ini selari dengan visi dan misi MiDAS iaitu untuk menjadi pusat kecemerlangan antarabangsa dalam aspek penyelidikan pertahanan dan keselamatan serta menjana perkongsian ilmu dan maklumat dalam bidang pertahanan dan keselamatan. Bidang-bidang penyelidikan yang terlibat adalah hal ehwal ketenteraan, hal ehwal bukan ketenteraan, penyelidikan strategi dan dasar dan Strategi Lautan Biru (BOS).

Tiga organisasi utama MiDAS adalah Jabatan Pengurusan dan Pembangunan (A&DD), Pusat Penyelidikan Pertahanan dan Keselamatan Komprehensif (CDSRC) dan Pusat Strategi Lautan Biru MiDAS (MBOSC). A&DD merupakan jabatan yang dipertanggungjawabkan dalam aspek pentadbiran, dokumentasi, sumber manusia, pengurusan kewangan, logistik, penganjuran aktiviti dan penerbitan, manakala CDSRC pula bertanggungjawab dalam melaksanakan penyelidikan dan kajian bagi ATM dan Kementerian Pertahanan Malaysia khususnya dalam bidang-bidang yang berkaitan isu pertahanan dan keselamatan serantau. CDSRC terbahagi kepada Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Tradisi Ketenteraan, Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Bukan



Tradisi Ketenteraan dan Bahagian Penyelidikan Polisi. Selain itu, MiDAS melalui MiDAS Blue Ocean Strategy Centre (MBOSC) bertanggungjawab dalam menerajui pelaksanaan Blue Ocean Strategy (BOS) untuk ATM dan Mindef. MBOSC juga bertanggungjawab menyelaraskan inisiatif BOS di antara ATM dan agensi kerajaan.

MiDAS berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam isu-isu berkaitan pertahanan dan keselamatan. Oleh itu, MiDAS telah menggariskan tujuh langkah pelaksanaan bagi mencapai objektif tersebut. Tujuh langkah pelaksanaan tersebut ialah:-

- i. Mengendalikan penyelidikan dan analisis ke atas polisi berkaitan pertahanan dan keselamatan.
- ii. Menjana pemikiran, perdebatan dan perkongsian ilmu melalui seminar-seminar pertahanan dan keselamatan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan, serta dialog berkenaan isu pertahanan dan keselamatan.
- iii. Menyebarkan penemuan penyelidikan menerusi 'The Journal of Defence and Security', majalah, monograf dan prosiding seminar.
- iv. Mengumpul dan mengkaji penyelidikan daripada institusi penyelidikan dan pusat pendidikan tertinggi lain secara holistic melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan tersebut.
- v. Membangunkan pusat sumber untuk ATM dan Mindef.
- vi. Meneroka bidang penyelidikan baru dengan kerjasama daripada institusi penyelidikan lain sama ada di peringkat antarabangsa atau kebangsaan.
- vii. Menyelaraskan pelaksanaan konsep BOS dalam Mindef dan ATM.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan ataupun disertai oleh MiDAS yang melibatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Antara aktiviti yang melibatkan tenaga dari luar adalah dialog yang disampaikan oleh professor dari luar negara seperti 'MiDAS Dialogue On Growing Maritime Power: Problems And Prospects' oleh Professor Dr Geoffrey Till dan 'China's Neighbourhood Policy And Asian Security Architecture Building' oleh Professor Yang Jiemian. Selain itu, Persidangan Putrajaya dan Seminar on Cyber Security and Live Simulation yang dianjurkan MiDAS juga merupakan satu bentuk medium perkongsian ilmu yang digunakan.



Perubatan merupakan salah satu aspek penting dalam usaha Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjaga kebajikan warganya disamping berperanan penting semasa menghadapi peperangan yang boleh mengakibatkan kecederaan kepada anggota tentera. Justeru itu, bagi mewujudkan satu pusat Hospital Angkatan Tentera (HAT) yang mantap, ATM segera membuat perancangan pembinaan HAT dan ia telah dimulakan pada 1 November 2004 dan siap sepenuhnya pada Julai 2009.

Terletak di Seksyen 2, Wangsa Maju, HAT Tuanku Mizan menjadi pangkalan utama kepada HAT lain yang terdapat di Terendak, Lumut dan Kem Syed Sirajuddin, Gemas dengan memainkan peranan dalam penyediaan perkhidmatan perubatan tentera, penyelidikan dan pembangunan perubatan. Malah lebih membanggakan, HAT ini turut



## HAT TUANKU MIZAN KEBANGGAAN PERUBATAN KETENTERAAN

mempunyai kepakaran bagi menghadapi situasi bencana akibat bahan kimia, biologikal, radiologikal, nuklear dan bahan letupan atau nama singkatannya (CBRNE).

HAT Tuanku Mizan juga berfungsi menerima kes-kes kecemasan daripada institusi uniform yang lain, pasukan sahabat Komanwel dan terup Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bagi Veteran ATM pula, mereka boleh mendapatkan rawatan di situ secara percuma pada bila-bila masa.

Antara jabatan yang terdapat di hospital tersebut ialah Rawatan Primer, Otorinolaringologi, Perubatan, Psikiatri, Obstetrik dan Ginekologi, Oftalmologi, Pergigian, Pediatrik, Ortopedik, Pembedahan dan Rehabilitasi. Selain itu, jabatan lain ialah anastesia dan rawatan rapi, kecemasan, pengimejan diagnostik, patologi, farmasi dan dietetik. Bukan itu sahaja, HAT Tuanku Mizan bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sub kepakaran seperti pembedahan vaskular, pembedahan plastik, urologi, kardiologi dan nephrologi.



# KARNIVAL SUKAN KAKEP 2015







# MAJLIS KORBAN & AQIQAH PUSPANITA



## Majlis PJM & Penyerahan Kunci Rumah

### Di Kota Marudu, Sabah

YB Datuk Abdul Rahim bin Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) dan Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program Membaikpulih Rumah Veteran 1 Malaysia (1MVHRP) NBOS-7 di Dewan Hotel Hexan, Kota Marudu, Sabah.

Sempena majlis tersebut, YB Timbalan Menteri telah menyerahkan kunci rumah kepada Encik Ahmad bin Rafli, Puan Jaenteh binti Dali dan Puan Salasiah binti Omar. Kos sebanyak RM50,000 telah diperuntukkan untuk bina baru rumah dan RM12,000 untuk baik pulih rumah.

Pada majlis ini, turut menyaksikan YBhg Mej Jen Dato' Wira Hj Mohd Noor bin Hj Daud, Ketua Pengarah JHEV ATM menganugerahkan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 12 veteran dan seorang balu. Turut hadir ialah Lt Kol Adnan bin Ariffin, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Negeri Sabah, Pegawai Daerah Kota Marudu, Encik Abd Sanon bin Saporit, YDP PVATM Negeri Sabah dan Encik Zaman bin Bayang, Ketua Cawangan PVATM Kota Marudu.



# Majlis Sambutan Hari **INOVASI** MINDEF



Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2015 diadakan bertujuan pember pengiktirafan dan penghargaan kepada semua Bahagian/Jabatan/Markas yang mencapai tahap kecemerlangan dalam mencipta dan menghasilkan projek inovasi yang dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti kerja. Selaras dengan hasrat pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, penganjuran program ini mampu menggalakkan percabahan idea inovasi dan kreativiti di kalangan penjawat awam yang dapat diguna pakai untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang sedia ada.



## IKRAR HARI INOVASI

**BAHAWA KAMI,**  
PEGAWAI DAN STAF KEMENTERIAN PERTAHANAN  
MUNAIKAN TANGGUNGJAWAB KAMI  
KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA;

MENJUNJUNG CITA-CITA RUKUN NEGARA,  
BERPEGANG TEGUH KEPADA  
TERAS PERKHIDMATAN CEMERLANG.

**BERIKRAR AKAN,**  
BERUSAHA DENGAN PENUH KETEKUNAN  
DAN DEDIKASI,  
KE ARAH MENINGKATKAN PENGURUSAN  
YANG BERKUALITI,  
SUPAYA KEUPAYAAN PERTAHANAN NEGARA  
AKAN SENTIASA DISEGANI DAN DIHORMATI;

**BERAZAM,**  
MENGEKALKAN PRESTASI KECEMERLANGAN DALAM  
PERKHIDMATAN, BAGI MEMBENTUK  
SISTEM PERTAHANAN  
YANG PADU, DENGAN MENGGUNAKAN  
PERALATAN YANG  
CANGGIH, DEMI MENCAPAI MATLAMAT  
CITA-CITA NEGARA  
KE ARAH WAWASAN 2020.



“MELESTARIKAN  
INOVASI,  
MEMARTABATKAN  
TRANSFORMASI”

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN SERAH TERIMA TUGAS TIMBALAN DAN PANGLIMA TENTERA LAUT



TLDM, antaranya:

- Penembakan Peluru Berpandu SM 39 Oleh KD TUNKU ABDUL RAHMAN.
- Pengoperasian OP FAJAR.
- Operasi Menyelamat MV NAUTICA JOHOR BAHRU.
- OP DAULAT.
- Operasi Carilamat MH370.
- Operasi Carilamat QZ8501.
- Operasi Menyelamat MT ORKIM HARMONY.
- Pengoperasian Sea Basing.

Di samping itu, semasa pemerintahan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz, kesiagaan TLDM telah dipertingkatkan dengan menaiktaraf aset-aset TLDM

1. KUALA LUMPUR, 18 Nov - Majlis pemakaian pangkat dan serah terima tugas sempena pelantikan Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin sebagai Panglima Tentera Laut menggantikan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz bin Hj Jaafar yang akan bercuti dan seterusnya bersara dari perkhidmatan dalam TLDM telah diadakan di Auditorium Kementerian Pertahanan. Hadir sama menyaksikan majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan; Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Angkatan Tentera; YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin.

Semasa di bawah pemerintahan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz selama 7 tahun sebagai Panglima Tentera Laut, pelbagai siri kejayaan telah dikecapi oleh

seperti berikut:

- Pentauliah Dua Buah Kapal Selam Negara.
- Pentauliah Tiga Buah Patrol Vessel.
- Pelancaran dan Pengoperasian BUNGA MAS LIMA dan BUNGA MAS ENAM.
- Pengoperasian Kapal Auxiliary TAN SRI AZIZAN dan PANGKALAN LAUT TUN SHARIFAH RODZIAH.
- Perolehan Fast Interceptor Craft (FIC).
- Perancangan Projek Littoral Combatant Ship (LCS).
- Perolehan Mine Disposal Vehicle (MDV) Jenis Olistar.
- Perolehan Penyelaku Kapal Selam.

Pucuk pimpinan tertinggi TLDM

kini, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman memasuki perkhidmatan TLDM pada 24 Februari 1977 selepas menamatkan pelajaran beliau di Maktab Tentera Diraja. Beliau merupakan anak watan ke-12 memegang tampuk pemerintahan TLDM. Pelantikan Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman membuktikan ketokohan beliau amat diyakini oleh pengurusan tertinggi TLDM dan bakal meneraju pengurusan dan pentadbiran TLDM di tahap yang membanggakan.

Sepanjang perkhidmatan, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman telah diberi kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan penting di dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) antaranya sebagai Ketua Staf, Markas Angkatan Tentera dan Panglima Angkatan Bersama yang berpusat di Kuala Lumpur dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut pada 15 Nov 2013. Beliau juga pernah memegang jawatan penting di dalam TLDM, antaranya Panglima Armada di Pangkalan TLDM Lumut, Perak; Panglima Wilayah Laut 2 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah dan Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi di Markas Tentera Laut. Manakala perkhidmatan terakhir beliau di laut adalah sebagai Pegawai Memerintah kapal KD JEBAT (FFG 29).

Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman merupakan lulusan dari US Naval Staff Course, Naval War College, Newport, Rhode Island dan juga Distinguished Graduate of the Fu Hshing Kang College, Republic of China in Political Warfare. Beliau juga menghadiri International Surface Warfare Officer's Course di Naval Amphibious School di Coronado, San Diego. Beliau juga merupakan lulusan Principle Warfare Officer dari HMS DRYAD, Portsmouth. Beliau juga telah menghadiri kursus International Crisis Management Course di National Administrative Institute (INTAN), Kuala Lumpur dan juga pelbagai program pengajian tentera yang lain baik tempatan dan juga di Australia dan Amerika Syarikat.

Kewibawaan Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman sebagai pemimpin yang disegani terserlah apabila beliau juga merupakan



seorang pembentang kertas kerja bagi Keselamatan Maritim dan telah terlibat di dalam beberapa seminar dan persidangan termasuk Asean Regional Forum (ARF) di India dan Kuala Lumpur, U.S Military Operations (MILOPS) Conference di Singapura, International Maritime Organization (IMO) Conference di Jakarta, Littoral Defense Conference di Singapura, Electronic Warfare Conference di London dan MIMA International Conference di Kuala Lumpur.

Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman memperolehi ijazah MBA dari University of Strathclyde Business School, Scotland dan MA dalam Pengajian Pertahanan dan Hubungan Antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menamatkan Program Eksekutif Pengurusan Perniagaan dalam tahun 2009 di Keenan-Flagler Business School, Universiti of North Carolina, USA.

Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman telah dianugerahkan beberapa pingat dari Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Beliau merupakan penerima pertama yang telah mendapat Pingat Kepujian Panglima Tentera Laut. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama Datin Noor Azrina binti Abdullah dan telah dikurniakan seorang cahayamata lelaki.

Terdahulu, para hadirin telah menyaksikan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat Laksamana Madya kepada Laksamana Muda Dato' Anuwi bin Hassan. Sejurus selesai pemakaian pangkat tersebut, upacara serah terima tugas Timbalan Panglima Tentera Laut di antara Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman dan Laksamana Madya Dato' Anuwi bin Hassan.

Laksamana Madya Dato' Anuwi bin Hassan mula menyertai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada Februari 1978 setelah menamatkan latihan di Pusat Latihan Kadet dan Rekrut, Kem Khatib, Sembawang, Singapura dan telah ditauliahkan ke dalam perkhidmatan pada bulan Mei 1980.

Sebelum mengambil alih jawatan sekarang, beliau telah memegang beberapa jawatan penting di Markas Tentera Laut dan jawatan tiga khidmat, antaranya Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan di Markas Angkatan Tentera Malaysia, Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi serta Pengarah Risik Laut di Markas Tentera Laut. Selain itu, beliau pernah menjawat jawatan Pegawai Memerintah di kapal KD SERAMPANG, KLD TUNAS SAMUDERA dan KD MAHAWANGSA.





Majlis Penghargaan & Mengenang Jasa Wira-Wira Pertempuran Bakara Market

# SOMALIA

## Program *Jiwa Murni* Kementerian Pertahanan



KLIK...  
KLIK!!

# OPS GANGGA



## di Gunung Bubu, Perak



# JOM MASUK

## Askar Wataniah

### Apa syarat-syarat nak masuk askar wataniah?

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur di antara 18-45 tahun
3. Mempunyai kelayakan akademik SPM bagi kategori Lain-Lain Pangkat
4. Mempunyai kelayakan akademik IJAZAH bagi kategori Pegawai
5. Sihat tubuh badan
6. Tidak mempunyai rekod jenayah
7. Dokumen yang diperlukan
  - i) Salinan kad pengenalan
  - ii) Salinan sijil kelahiran
  - iii) Salinan sijil nikah dan surat beranak anak (jika berkahwin)
  - iv) Salinan sijil-sijil akademik/tamat persekolahan

### Apa yang best bila join askar wataniah ini?

Antaranya kita akan terima:

1. Imbuhan elaun
2. Elaun latihan tempatan
3. Elaun latihan berterusan dan kem tahunan
4. Elaun perjalanan
5. Elaun pakaian
6. Saguhati tahunan (Bounty)

### Apa latihan yang askar wataniah adakan?

Latihan askar wataniah diadakan mengikut kemampuan dan kesesuaian masa seperti hujung minggu

1. Latihan Rekrut- setiap anggota perlu menjalani latihan ini selama 30 hari berterusan atau melalui latihan tempatan selama 240 jam iaitu syarat untuk pengiktirafan sebagai Prebet.
2. Latihan Tempatan- latihan ini dilaksanakan di lokasi berdekatan kediaman anggota Sukarela. Latihan dijalankan pada masa yang bersesuaian terutama pada cuti hujung minggu. Latihan dilaksanakan dalam tempoh antara 2 hingga 12 jam sehari. Jumlah latihan ini dilaksanakan tidak melebihi 240 jam setahun (pasukan bukan teknikal) dan tidak melebihi 360 jam (pasukan teknikal).
3. Latihan lanjutan- latihan ini dijalankan secara berterusan dalam tempoh masa tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi 14 hari bagi setiap individu dalam setahun.
4. Latihan Tahunan- latihan ini dijalankan secara berterusan pada setiap tahun sebagai kemuncak aktiviti latihan. Latihan tersebut dilaksanakan tidak melebihi 15 hari setiap tahun bagi seseorang individu. Latihan ini dilaksanakan secara berkelompok dengan mengaplikasikan kemahiran ilmu medan perang, muslihat dan pengendalian senjata serta latihan serta latihan rejimental.
5. Latihan Anggota Pakar- anggota pakar hanya perlu mengikuti latihan kem tahunan selama 15 hari setahun.

Malaysia merupakan sebuah Negara yang berdaulat. Sebagai seorang warganegara Malaysia, kita harus bersama-sama memikul tanggungjawab bagi memastikan keselamatan, kestabilan dan mengekalkan kedaulatan Negara kita.



# HARI KELUARGA MINDEF 2015





*IMinDef, Sehati Sejiwa*

Santapan Rohani...

# Walimah Yang Berkat

## Permulaan Keluarga Bahagia

Artikel Oleh:  
Mej Mohd Ramizi bin Remli  
PS 2 Penerbitan Jabatan Arah KAGAT



“Apakah ini? Abdul Rrahman bin Auf menjawab: “Ya Rasulullah, sesungguhnya saya telah berkahwin dengan seorang perempuan dengan maharnya emas seberat sebiji tamar. Sabdanya baginda: “Semoga Allah memberkati engkau, laksanakanlah kenduri walau (hanya) dengan menyembelih seekor kambing”. (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Walimah atau majlis kenduri kahwin merupakan perisytiharan terhadap kesahan akad nikah suami isteri dan meraikan pasangan pengantin baharu. Hukumnya sunat muakkad kerana mempunyai hikmat yang baik lagi mulia. Majlis walimah sangat penting bagi mengelakkan fitnah dan menyuburkan semangat bermasyarakat. Berdasarkan tradisi masyarakat Melayu,

“Sesiapa yang meninggalkan jemputan (walimah) maka sesungguhnya dia telah ingkar perintah Allah dan Rasul-Nya”. (Riwayat al-Bukhari)

pasangan pengantin digelar sebagai raja sehari. Lantaran itu, mereka berdua dimuliakan dan diraikan dengan pelbagai upacara. Hal ini wajar dilakukan kerana mengandungi hasrat tersirat, agar majlis seperti ini hanya dialami sekali sahaja dalam kehidupan pasangan pengantin. Ini memberi isyarat agar jodoh mereka kekal hingga ke akhir hayat.

Pelaksanaan walimah sebagai lambang kegembiraan dan sebagai tanda kesyukuran bagi mendapatkan keredaan Allah SWT hendaklah dihayati oleh masyarakat Islam. Tegasnya, walimah adalah satu ibadah. Oleh itu, segala perkara

yang bertentangan dengan prinsip-prinsip ibadah hendaklah di jauhi supaya beroleh pahala dan keberkatan serta keredaan Allah SWT.

Selain itu, walimah juga menjadi tanda kesyukuran bagi kedua ibu bapa pengantin. Setelah anak mereka telah dipertemukan jodoh, maka tertunailah tanggungjawab terhadap agama dalam memelihara, mendidik, membesarkan dan akhirnya mengahwinkannya. Bagi kedua belah pihak keluarga pengantin, walimah dapat mempereratkan persaudaraan dan membentuk sebuah keluarga yang lebih besar. Pertemuan dan perkenalan kektika menghadiri walimah dapat memperluaskan jaringan silaturahim dan persahabatan.

Walimah yang terbaik dilaksanakan secara sederhana. Ini tidak bermakna, kita tidak boleh membuat kenduri secara besar-besaran, dalam erti kata ramai jemputannya, terutama bagi mereka yang berkemampuan.

Namun, elakkan daripada rasa menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah atau terbabit dengan pinjaman dan hutang yang membebankan. Apatah lagi pembaziran yang sangat dilarang oleh agama. Jika hal-hal sedemikian berlaku, maka keberkatan walimah akan hilang dan majlis tersebut telah tersasar daripada tujuan asalnya untuk ibadah.

Dalam sebuah hadis, Anas bin Malik r.a memberitahu bahawa Rasulullah SAW telah melihat kesan-kesan warna kuning pada Abdul Rahman bin Auf lantas bertanya: “Apakah ini? Abdul Rrahman bin Auf menjawab: “Ya Rasulullah, sesungguhnya saya telah berkahwin dengan seorang perempuan dengan maharnya emas seberat sebiji tamar. Sabdanya baginda: “Semoga Allah memberkati engkau, laksanakanlah kenduri walau (hanya)

dengan menyembelih seekor kambing". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Antara perkara yang perlu diambil kira ialah upacara yang boleh menambahkan kemeriahan dan dalam masa yang sama dapat memberi nilai tambah bagi memperoleh keberkatan seperti mengadakan majlis khatam al-Quran, berzanji, paluan kompang, nyanyian berbentuk zikir, nasyid dan selawat yang bersifat mendidik, mengingati serta menimbulkan kesedaran terhadap Allah SWT. Sementara itu, pakaian dan perhiasan pengantin juga perlulah selari dengan kehendak syarak. Elakkan daripada berhias secara berlebih-lebihan kerana mengikut kehendak pihak-pihak tertentu dan juga tidak menyerupai amalan dan budaya masyarakat lain seperti mendedahkan aurat atau meniru upacara atau istiadat agama lain. Bahkan upacara bersanding juga adalah bertujuan memperkenalkan pasangan kepada ahli keluarga terdekat, sahabat-handai, jiran-tetangga dan tetamu jemputan.

Manakala dari sudut jemputan dan jamuan, semakin ramai kehadiran, maka semakin besarlah rahmatnya dan semakin bertambah pula keberkatannya. Kepelbagaian latar belakang tetamu yang hadir sama ada yang kaya dan miskin, tua dan muda, lebih-lebih lagi golongan yang lemah seperti anak-anak yatim dan mereka yang mulia di sisi Allah SWT serta jiran sekeliling yang mendoakan kebaikan kepada pengantin yang menjadi tuan rumah. Jemputan tetamu secara berpilih-pilih seperti menghadkan kepada para kenamaan yang kaya sahaja dan menafikan golongan miskin yang boleh menimbulkan rasa megah dan akan menghilangkan keberkatan.

Sebaiknya, menu jamuan hendaklah sama sahaja untuk seluruh jemputan. Elakkan daripada membezakan-bezakan menu atau jenis makanan kepada tetamu yang diundang. Walau bagaimanapun dari segi cara menghidang dan menentukan tempat duduk para jemputan bolehlah dilakukan mengikut keperluan, seperti dipisahkan antara jemputan lelaki dan

perempuan, jemputan-jemputan khas, alim ulama dan golongan berilmu, juga warga-warga emas, sebagai suatu penghormatan terhadap mereka.

Sesungguhnya menghadiri jemputan walimah adalah wajib, kecuali ada keuzuran dan perkara-perkara yang menghalangnya yang diperakui oleh syarak. Hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang meninggalkan jemputan (walimah) maka sesungguhnya dia telah ingkar perintah Allah dan Rasul-Nya". (Riwayat al-Bukhari)

Hari ini timbul kecenderungan gaya berpakaian ketika menghadiri majlis walimah. Ia diambil peluang oleh sebahagian jemputan sebagai tempat untuk memperagakan fesyen berpakaian yang kadang-kadang menjolok mata dan mendedahkan aurat. Sebagai tetamu maka kita sepatutnya menghormati tuan rumah yang mengharap majlisnya dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT, tambahan pula majlis tersebut merupakan suatu ibadah. Dibimbangi, walaupun doanya sarat dengan permohonan dan mengharap keberkatan tetapi ia tidak diredai oleh Allah SWT gara-gara sebahagian jempuatannya yang tidak peka halal dan haramnya cara berpakaian. Selain cara berpakaian, jemputan juga tidak seharusnya mempertikai menu atau cita rasa makanan yang dihidangkan.

Perlu diingat, meriahnya majlis walimah yang diselitkan dengan pelbagai acara dan program bukan suatu jaminan rumah tangga yang dibina akan bahagia dan kekal hingga ke akhir hayat. Justeru, bagi memastikan majlis walimah mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan menjadi permulaan sebuah keluarga bahagia maka segala panduan yang dianjurkan oleh syarak hendaklah diperhatikan dan dilaksanakan dengan sebaiknya.

# 7 Ciri-Ciri Orang POSITIF+

Artikel motivasi ini memaparkan ciri-ciri, sikap-sikap dan sifat-sifat atau jati diri cemerlang orang-orang (pemimpin / usahawan) yang positif / berjaya.

## 1 Semakin Tercabar, Semakin Kuat

Seseorang yang positif berperibadi kuat seumpama besi waja; semakin dibakar oleh keadaan, semakin menghadapi cabaran hidup, semakin teguh melayari kehidupan.

Seseorang yang berperibadi lemah, laksana timah atau lilin; apabila terkena api, hancur lebur. Apabila terketuk oleh cabaran, berkecai!

Dr. Mahathir Mohamad banyak memberi contoh yang cemerlang kepada kita semua. Lagi banyak masalah yang dihadapi, lagi bertambah kuat beliau. Seperti gam "exhaust pipe", semakin kepanasan, semakin keras mencengkam! Orang lain sudah habis dan gawat idea, beliau keluar pula dengan idea yang mengejutkan!

## 2 Melihat Peluang Dalam Kegawatan

Orang yang negatif melihat kegawatan sebagai penghalang kemajuan. Tetapi, orang yang positif dapat melihat peluang keemasan dalam kegawatan!

Kisah hidup Onassis amat menarik perhatian saya. Aristotle Onassis, seorang jutawan Greek di Argentina, asalnya adalah seorang budak miskin. Ia pindah ke Argentina dari Greek untuk membina satu penghidupan baru di sana. Umumnya waktu itu hanya 17 tahun.

## 3 Sentiasa Berusaha Bersungguh-sungguh

Seseorang yang positif berpegang kepada falsafah: kalau tidak dipecahkan ruyu manakan dapat sagunya. Fokusnya ialah untuk mencapai kejayaan; mencapai matlamat yang telah ditetapkannya dengan penuh kesungguhan dan keberanian. Sesuai dengan kata-kata nasihat Paul Getty, seorang jutawan Amerika bahawa untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan, seseorang itu hendaklah membuat dua perkara ini: Pertama: TETAPKAN SATU MATLAMAT BESAR Kedua: MENCAPAINYA DENGAN PENUH KEBERANIAN! - Penjelasan

## 4 Tidak Menyalahkan Keadaan

Seseorang yang positif tidak mengeluh atau mengesal bila ditimpa musibah atau terdapat kekurangan pada dirinya. Sebaliknya ia menggunakan kekurangan-kekurangannya itu untuk kebaikan kepada dirinya serta orang lain.

Napoleon yang kecil dan rendah iaitu 5 kaki 1 inci sahaja, selalu dipertandingkan oleh rakan-rakannya di Maktab Tentera tempat ia belajar. Tambahan pula, Napoleon ialah seseorang yang berasal dari Pulau Corsica, pulau yang dipandang tidak begitu penting oleh orang-orang Perancis. Kerana itu, Napoleon telah berazam untuk menunjukkan / membuktikan kepada rakan-rakannya yang selalu mengejeknya itu bahawa ia lebih baik daripada mereka. Ia telah belajar ilmu ketenteraan dengan bersungguh-sungguh. Akhirnya, beliau telah menjadi Maharaja Perancis - menakluki tiga suku Benua Eropah. Kekurangannya serta ejekan-ejekan dari rakan-rakannya itulah yang mendorongnya menjadi panglima terkenal.

## 5 Mendengar Dahulu Pendapat Orang Lain

Orang-orang yang positif tidak mengeneikan kecaman-kecaman musuhnya misalnya dengan terus mengatakan orang itu salah. Tetapi, ia akan mendengar kecaman-kecaman tadi dan memikirkan betulkah ia salah atau tidak. Perlu diingat, bahawa, bila orang mengesal, tentulah ada sebab-sebabnya. Kadang-kadang daripada kecaman orang lain, kita boleh dapat petunjuk untuk memperbaiki diri dan kerja kita. Presiden Abraham Lincoln pernah dikecam oleh Menteri Pertahanannya, Edward Stanton. Ia telah digelar oleh Stanton sebagai seorang dungu. Adakah Lincoln marah dan memecat Menteri Pertahanan itu? Tidak! Sebaliknya, ia telah bertanya kepada Stanton mengapa ia berkata demikian? Stanton telah menerangkan bahawa langkah Lincoln memindahkan beberapa batalion tentera ke suatu tempat itu hanya akan merugikan kerajaan Amerika Syarikat.

Presiden Lincoln yakin terhadap penjelasan Stanton itu, lalu menarik balik rancangannya tadi. Sebaliknya, pemimpin-pemimpin yang tidak mengindahkan kecaman orang bahawa dasar pentadbiran dan ekonominya tidak dapat membawa keadilan sosial kepada rakyatnya, akhirnya, terpaksa meletakkan jawatan atau kalah di pilihanraya dalam keadaan yang mengaibkan, malah ada juga yang akhirnya dibunuh oleh rakyatnya sendiri!!! Inilah yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin-pemimpin termasuk di negara kita. Mereka bukan sahaja perlu mendengar dengan telinga tetapi juga dengan mata, hati, dan minda terhadap setiap rintihan rakyat (pengundi) sama ada yang tersurat atau tersirat. Jika ini dapat diamalkan, insya-Allah, rakyat akan merasa sentiasa terbela dan terus memberi sokongan. Jika tidak, rakyat boleh bertindak balas! Rakyat adalah pelanggan yang MESTI diberi layanan yang adil, cemerlang serta kepuasan oleh pemimpin-pemimpin (wakil rakyat-wakil rakyat).

## 6 Sentiasa Mencari Jalan Memperbaiki Diri

Orang yang positif sedar bahawa apa yang dilihat sebagai terbaik pada hari ini mungkin hanya dinilai sebagai sederhana saja 10 tahun akan datang. Oleh kerana itu, orang yang positif tidak henti-henti mencari jalan untuk memperbaiki kehidupannya / kebajikan rakyatnya.

Peter Drucker, seorang profesor ilmu pengurusan Amerika Syarikat ada berkata: "Pengurus yang berjaya sentiasa bertanya kepada dirinya apakah yang boleh ia buat, bukan apa yang orang lain patut buat untuk dia."

## 7 Sentiasa Bangun Apabila Terjatuh

Orang yang positif tidak gemar dengan sikap suka berputus asa. Orang yang positif memandang sesuatu kegagalan itu pada sudut positif. Mereka memandang kegagalan sebagai guru terbaik dalam konteks mencapai kejayaan. Oleh kerana itu, orang-orang yang positif walau betapa teruk pun mereka jatuh akan terus berusaha untuk bangun semula serta berusaha mengukir kejayaan yang lebih besar daripada sebelum mereka mengalami kegagalan / kejatuhan.

Oleh itu, janganlah sekali-kali berputus asa. Sikap berputus asa adalah amalan syaitan. Allah mencintai makhluk-makhlukNya yang positif dan cekal serta sentiasa memohon keredaanNya.







# Bahaya Kanta Lepak

Pengguna yang memakai kanta lekap hanya untuk kecantikan tanpa melakukan pemeriksaan mata terlebih dulu, berisiko menjadi buta akibat jangkitan kuman pada kornea mata. Majlis Optik Malaysia (MOM) menasihatkan pengguna supaya membuat pemeriksaan mata terlebih dulu jika mahu memakai kanta lekap, termasuk kanta lekap berwarna tanpa kuasa. Menurut majlis berkenaan, pemeriksaan penting bagi memastikan sama ada seseorang pengguna sesuai atau sebaliknya untuk menggunakan kanta lekap kerana pemakaiannya bukan sekadar untuk kecantikan saja.

Kanta lekap hanya sesuai untuk individu yang mempunyai masalah rabun serta masalah mata seperti keratokonus,

koloboma iris dan sebagainya selain mereka yang aktif bersukan. "Kanta lekap juga itu tidak harus dipakai individu yang menghidap masalah mata seperti konjunktivitis kronik, blefaritis, jangkitan kuman dan mata kering, selain pesakit diabetes, HIV positif dan penyakit berjangkit lain di samping individu yang mempunyai tahap kebersihan diri yang rendah," kata majlis.

MOM berkata, sekiranya seseorang itu tidak mematuhi peraturan pemakaian kanta lekap, komplikasi paling berbahaya ialah berlakunya jangkitan kuman pada lapisan kornea mata yang dipanggil ulser kornea dan boleh menyebabkan buta. Pengguna kanta lekap harus segera menghentikan penggunaannya jika

mata menjadi merah, berasa sakit serta penglihatan menjadi kabur dan perlu berjumpa doktor mata kerana rawatan segera diperlukan bagi mencegah buta, katanya.

## KESAN JANGKA PANJANG

- 1) Penggunaan kanta lekap selama bertahun-tahun boleh mengurangkan ketebalan kornea - kekurangan oksigen menyebabkan sel epitelium iaitu lapisan luar makin berkurangan dan mati.
- 2) Kanta lekap menghalang oksigen yang mengakibatkan kornea kurang sensitif. Pengguna tidak menyedari matanya dimasuki bendasing, misalnya habuk.
- 3) Reaksi yang kurang terhadap kemasukan bendasing menyebabkan mata kurang berkedip, sekali gus menyebabkan kurangnya kelembapan mata.
- 4) Pemakaian kanta lekap akan mengubah lengkungan kornea dan jika dipakai terlalu lama akan menyebabkan rabun bertambah.

## KOMPLIKASI

### A. Bukan jangkitan

- 1) Mata kering kerana kornea kurang kelembapan disebabkan halangan kanta lekap. Ini kerana mata mengeluarkan

lebih banyak air mata apabila ada cahaya dan angin jika tiada halangan kanta lekap. Ada juga cecair membersih dan merendam kanta lekap yang tidak sesuai dan menyebabkan mata cepat kering. Kanta lekap perlu dibersihkan dengan enzim pembersih bagi membuang lendir atau sisa yang tertinggal di lapisannya. Ia tidak harus dipakai lebih lapan jam.

2) Luka pada kornea disebabkan trauma seperti kecederaan, kanta lekap koyak atau bentuk tidak sempurna. Tidak mahir ketika mula menggunakan kanta lekap juga boleh mendatangkan kecederaan.

3) 'Cornea microcysts' iaitu kekaburan disebabkan kurang oksigen, terutama kerana kanta lekap dipakai lebih daripada masa sepatutnya, misalnya melebihi lapan jam.

4) Pertumbuhan saluran darah pada kornea - Kornea yang secara semula jadi jernih seperti cermin akan ditumbuhi saluran darah kerana kurang oksigen. Masalah itu menyebabkan mata menjadi kabur.

5) Boleh menyebabkan alahan atau imunologi. Cecair mencuci, merendam atau membilas kanta lekap boleh menyebabkan alahan pada mata. Protein yang terlekat pada mata juga boleh menyebabkan alahan. Pesakit 'Giant Papillary Conjunctivitis' iaitu kelopak mata di bahagian dalam mempunyai benjolan. Pesakit sukar memakai kanta lekap disebabkan benjolan berkenaan, terdapat banyak lendir keluar dan rasa tidak selesa.

## B. Jangkitan

### 1) Ulser kornea.

Seorang daripada 2,500 pengguna kanta lekap pakai buang harian berisiko mendapat jangkitan ini berbanding kanta lekap yang boleh digunakan dalam jangka masa lebih lama (extended wear) dengan kekerapan 1:500. Individu yang tidur dengan kanta lekap berisiko 10 hingga 15 kali lebih tinggi mendapat ulser kornea kerana mata lebih mudah tercedera, kurang oksigen dan memerangkap bakteria. Secara normal, mata kita akan berkedip dan air mata akan membersihkan mata daripada bakteria tetapi dengan


pemakaian kanta lekap, perkara ini tidak berlaku kerana kanta lekap menghalang proses itu daripada berlaku. Bakteria lebih mudah terperangkap di kanta lekap dan mata.

### 2) Pseudomonas aeruginosa.

Sejenis bakteria yang mudah merebak dan menyebabkan ulser teruk dalam tempoh singkat. Biasanya bakteria ini menyebabkan parut dan menjejaskan penglihatan. Ulser yang tidak terkawal boleh menyebabkan mata bocor. Mata yang bocor menyebabkan air mata sentiasa meleleh. Pesakit memerlukan kornea gantian yang diperoleh daripada penderma. Kebanyakan individu yang berdepan masalah ini ialah mereka yang tidak mengikut cara penjagaan kanta lekap yang betul, menggunakan cecair pencuci, rendaman atau bilasan yang tamat tempoh atau masih menggunakan bekas menyimpan atau merendam kanta lekap yang lama dan kotor. Elak memakai kanta lekap lebih lapan jam dan jangan sekali-kali tidur dengan kanta lekap. Selain itu, hindari mencuci kanta lekap dengan air paip atau masih menggunakan kanta lekap yang tamat tempoh.

## KULAPUK BAHAYA PADA KANTA LEKAP

Spesies kulapuk *Fusarium* merupakan kulapuk yang sering dikaitkan dengan jangkitan kulat berkaitan kanta lekap. Bagi mencegah kulapuk di dalam mata apabila memakai kanta lekap, patuhilah prosedur



pembersihan yang betul seperti disyorkan pengeluar produk. Ini boleh mengurangkan pencemaran pada kanta lekap. Amalkan juga tabiat mencuci tangan yang baik. Keberkesanan disinfektan larutan serba guna kini semakin ditekankan. Bagaimanapun, biarpun larutan serba guna mampu membersihkan kanta lekap daripada bakteria, ia mempunyai sedikit impak saja ke atas kulat yang sudah melekat pada mata anda.

Larutan yang mempunyai kuasa disinfeksi yang berlebihan juga boleh mengancam keutuhan struktur permukaan kornea. Oleh itu, pemilihan larutan serba guna yang memenuhi kriteria disinfeksi FDA/ISO dan membantu mengekalkan keutuhan dinding epitelial kornea adalah penting untuk mencegah jangkitan kulat.





# SUKARELAWAN

## Ops Banjir



# Jam EKSPRES

**TERBUKA**  
KEPADA  
ANGGOTA KOPERASI TENTERA

Had Ekspres  
**15,000\*\***

**96 bulan\*\***

Had Ekspres 2  
**7,000\*\***  
Tiada Borang Permohonan

**60 bulan\*\***

Anggota boleh mengunjungi mana-mana cawangan Koperasi Tentera untuk menghantar permohonan dengan membawa bersama MyTentera dan penyata gaji asal terkini

\*\* Tertakluk kepada terma dan syarat

Hosted, Supported & Co-organised By:



MALAYSIAN  
MINISTRY OF DEFENCE



MALAYSIAN  
ARMED FORCES



ROYAL MALAYSIA  
POLICE

## THE WORLD'S TOP 5 DEFENCE TRI-SERVICES AND GOVERNMENT SECURITY EVENT



**15<sup>TH</sup> DEFENCE SERVICES ASIA**  
EXHIBITION & CONFERENCE

SINCE 1988

**18 - 21 APRIL 2016**  
PWTC, KUALA LUMPUR, MALAYSIA

# THE VVIP SHOW

FOR DEFENCE & SECURITY

Connect with DSA



#### FEATURES:

- ▶ ASEAN HALL ▶ CHIEF OF ARMY ROUNDTABLE TALKS (ChART) ▶ COMBAT MEDICINE
- ▶ CYBER SECURITY ▶ HUMANITARIAN ASSISTANCE & DISASTER RELIEF (HADR)
- ▶ LIVE ARMY DEMONSTRATION ▶ UAVs & COMBAT ROBOTICS

[www.dsaexhibition.com](http://www.dsaexhibition.com)